

## ISTILAH/ KATA KUNCI PENTING SEJARAH TINGKATAN 5 (KSSM)

### BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Kedaulatan	Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas Diperkukuh melalui pemerintahan dan pentadbiran yang berlandaskan perlembagaan.
Bahasa Yunani ( <i>Supernuus / Superanus</i> )	Agung @Tertinggi Negara yang bebas dan merdeka
Bahasa Inggeris ( <i>Sovereignty</i> )	negara berkuasa penuh terhadap pemerintahan
Bahasa Arab (Daulah)	Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
Bahasa Melayu (Daulat)	Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan
Aristotle (Ahli Falsafah Yunani)	Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara Kerajaan yang terikat oleh undang-undang
Ibn Khaldun (Ilmuan Islam)	Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya Diiringi oleh kekuatan beragama menyebabkan sesuatu bangsa rela berkorban untuk mencapai cita-cita yang sama
Jean Bodin (Ahli Falsafah Perancis)	Kekuasaan tertinggi dalam sesebuah negara Mempunyai sifat kekal dan tidak terbatas
Tunku Abdul Rahman	Dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat
Tun Dr. Mohamed Salleh Abas	Asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa / Mempunyai hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing.
Kedaulatan Tradisional	Sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara Berpaksi kepada kedaulatan Raja-Raja Melayu Raja sebagai ketua pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi Kedudukan raja diperkukuhkan oleh taat setia rakyat
Kedaulatan Moden	Idea kemunculan negara bangsa Moden/ Revolusi Keagungan di England (1688) dan Revolusi Prancis (1789) Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan
Kedaulatan Undang-undang	Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang yang perlu dipatuhi Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat/ negara jadi aman dan makmur

Kedaulatan Antarabangsa	<p>Pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain</p> <p>Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970, persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa</p> <p>Dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.</p>
Pemerintahan	<p>Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen</p> <p>Menjaga kestabilan Politik, Ekonomi, perTahanan dan keAmanan</p> <p>Ketua Utama negara ialah YDPA / Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri</p>
Sempadan	<p>Garis pemisah antara negeri negara / Berkongsi sempadan darat. air, dan udara dgn negara Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina / Memudahkan urusan Pemerintahan, penTadbiran, perTahanan, dan pembangunan Ekonomi negara.</p>
Perundangan	<p>Menjadi asas kepada peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.</p> <p>Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan system perundangan negara kita.</p>
Rakyat	<p>Penduduk sesebuah negara / Terikat dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah / Terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam. / Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.</p>
Raja Berperlembagaan	<p>Pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan / 3 Institusi Beraja iaitu YDPA (Persekutuan) Institusi Beraja (Negeri) dan Majlis Raja-Raja</p>
Demokrasi Berparlimen	<p>Demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihan raya</p>
Keberkesanan Pentadbiran	<p>Negara menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar / Jemaah Menteri / Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui pengagihan kuasa / Diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.</p>
Kemakmuran ekonomi	<p>Pelbagai usaha dilakukan untuk memajukan dan meningkatkan hidup rakyat berbilang kaum / Meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan.</p>
Kesejahteraan sosial	<p>Melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan / Penekanan terhadap bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan, dan Rukun Negara untuk memupuk semangat muhibah.</p>
Hubungan luar	<p>Memberi hak kepada negara untuk menjalankan hubungan dengan negara lain / Mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang / meningkatkan imej negara.</p>

Patriotisme	Perasaan Cinta akan negara dan bangsa serta sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya / Penting untuk melahirkan pemimpin dan rakyat yang taat setia serta sanggup berkorban demi negara.
-------------	---

## BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Perlembagaan	Undang –undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.
Nilai tradisi Kesultanan Melayu	Undang-undang dan adat melayu yang digunakan sebagai asas Perlembagaan Persekutuan .
Hukum Kanun Melaka (HKM)	Undang-undang yang menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Undang-Undang Laut Melaka (ULM)	Undang-undang yang menjadi panduan serta kawalan kepada pemimpin di Pelabuhan Melaka.
Hukum Kanun Pahang	Undang-undang dan sistem pemerintahan yang ditentukan oleh raja / Dipengaruhi oleh Hukum kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka / Mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang barat sekitar awal abad ke 19.
Undang-Undang Kedah	Undang-undang dan sistem pemerintahan yang ditentukan oleh raja. Dipengaruhi oleh Hukum kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.Mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang barat sekitar awal abad ke 19.
Undang-Undang Johor	Undang-undang dan sistem pemerintahan yang ditentukan oleh raja. Dipengaruhi oleh Hukum kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.Mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang barat sekitar awal abad ke 19.
Undang-Undang 99 Perak	Undang-undang dan sistem pemerintahan yang ditentukan oleh raja. Dipengaruhi oleh Hukum kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.Mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang barat sekitar awal abad ke 19.
Undang-undang Inggeris	Undang-undang yang diperkenalkan British apabila menduduki Tanah Melayu.
Charter of Justice	Undang-undang di Negeri-negeri Selat

<i>Council Negri</i>	Badan membuat undang-undang di Sarawak – Majlis Negeri yg mengandungi 45 org ahli dan pengerusinya Ketua Setiausaha.
Majlis Tertinggi	Dipengerusikan oleh Gabenor Sarawak. Anggotanya Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara.
Majlis Undangan Sabah	Memberi kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang.
Suruhanjaya Perlembagaan PTM	Suruhanjaya Reid
Ciri tradisional perlembagaan	Kesultanan atau pemerintahan beraja / Agama Islam / BM / Kedudukan orang melayu dan bumiputera
Ciri moden perlembagaan	Kerajaan Persekutuan / Sistem Demokrasi Berparlimen / Kewarganegaraan
Pindaan Perlembagaan 1963	Pindaan dari perlembagaan PTM 1957 / Memasukkan klausa baru pada bahagian tertentu bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.
Mahkamah Atasan	Mahkamah Persekutuan / 3 buah mahkamah atasan diwujudkan PTM, Sabah dan Sarawak, dan Singapura. Mendengar mana2 persoalan perlembagaan dan pertikaian antara kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri.
Mahkamah Tinggi Borneo	Menguruskan soal kehakiman di Sabah dan Sarawak.
Yang di-Pertua Negeri	Mengetuai Sabah dan Sarawak apabila Malaysia dibentuk dan dilantik oleh Yang Dipertuan Agong.
Pindaan Perlembagaan 1965	Untuk membolehkan Singapura dikeluarkan dari Malaysia / Oleh itu semua perkara yg berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia.

### BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI PARLIMEN

Istilah	Maksud
Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka (KeMM)	Raja ialah pemerintah berkuasa mutlak yang mempunyai semua kuasa pemerintahan iaitu kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman
Raja Berperlembagaan	Raja diiktiraf sebagai pemerintah tertinggi negara dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
Demokrasi Berparlimen	Rakyat diberi hak memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan.
Majlis Raja-Raja (MRR)	Mempunyai kedudukan dan peranan dalam pemerintahan negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.
Durbar	Perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British.
Durbar NNMB	Majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal-ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.
Majlis Sultan-Sultan	Berfungsi membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.
MRR PTM 1948	Menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan secretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya.
MRR 1957	Majlis Raja-raja selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
Mohor Besar Raja-Raja	Alat yang melambangkan kekuasaan dan kedaulatan Raja-raja Melayu.
Lembaga Pengampunan	Salah satu fungsi Majlis Raja-raja ialah menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
Yang di-Pertuan Agong	Jawatan yang diwujudkan selepas Negara mencapai kemerdekaan. YDPA dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam Persekutuan. Pemilihan YDPA dilaksanakan oleh Majlis Raja-raja.
Ketua Utama Negara	Sebagai Ketua Utama Negara, YDPA menjadi punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.
Kuasa Eksekutif Yang di-Pertuan Agong	YDPA bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri untuk melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, pelantikan

	jawatan penting dalam negara, sebagai pemerintah tertinggi ketenteraan dan melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
Kuasa Perundangan Yang di-Pertuan Agong	YDPA memperkenankan sesuatu Rang Undang-undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
Kuasa Kehakiman Yang di-Pertuan Agong	YDPA melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-raja.
Pilihan Raya	Elemen penting yang menandakan wujudnya amalan demokrasi di negara kita.
Kebebasan asasi	Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.
Pengasingan kuasa pemerintahan	Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan iaitu badan perundangan (legislative), badan eksekutif (pelaksana) dan badan kehakiman (judisiari).
Badan Perundangan	Berfungsi menggubal undang-undang. Badan Perundangan pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen dan pada peringkat Kerajaan Negeri ialah Dewan Undangan Negeri (DUN).
Parlimen	Badan perundangan tertinggi di Malaysia yang terdiri daripada tiga komponen iaitu YDPA, Dewan Rakyat (DR) dan Dewan Negara (DN).
Dewan Negara/ senat	Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara yang membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh DR dengan lebih teliti.
Dewan Rakyat/ Perwakilan	Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya dan menggubal serta meluluskan undang-undang pada peringkat DR.
Dewan Undangan Negeri (DUN)	DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.
Badan Eksekutif	Badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif (kuasa-kuasa/arahan-arahan mengikut Perlembagaan Persekutuan).
Jemaah Menteri/ Kabinet	Jemaah Menteri terdiri daripada PM dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan. Tugas utama Jemaah Menteri ialah menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan. PM mengetuai Jemaah Menteri.
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN/ EXCO)	Pada peringkat negeri, kuasa eksekutif terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council). Di

	Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri. Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.
Badan Kehakiman	Badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara.
Mekanisme semak dan imbang	Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan di negara kita. Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara. Kuasa pengimbang ada pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan kaum. Mekanisme semak dan imbang juga berlaku melalui pengasingan kuasa iaitu badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif. Sekiranya timbul konflik dan kekeliruan, penyelesaian akan dibuat melalui badan kehakiman.
Kuasa budi bicara raja	Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.

#### **BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN**

<b>ISTILAH</b>	<b>PERNYATAAN/PENERANGAN</b>
Sistem Persekutuan	Penyatuan beberapa buah negeri/membentuk sebuah negara bersekutu/
Konfederasi Negeri Sembilan	Satu perjanjian antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Tunku Besar Tampin untuk tubuhkan konfederasi besar
Persekutuan 1896	Persekutuan yang terdiri daripada empat buah negeri Melayu (NNMB)
Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927	Memperkemas tadbir urus Persekutuan / mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu
Kesatuan Malaya 1946	Menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka
PTM 1948	Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS

PTM 1957	Persekutuan Tanah Melayu merdeka/berasaskan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957/mewujudkan Kerajaan Persekutuan
Persekutuan Malaysia 1963	Berdasarkan Perjanjian Malaysia/ Persekutuan yang terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu,Singapura dan Sarawak serta Sabah
Pembahagian kuasa	Kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
Senarai Persekutuan	Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara termaktub dalam perlembagaan Persekutuan
Senarai Negeri	Kuasa pemerintahan Kerajaan negeri meliputi perkara termaktub dalam perlembagaan Persekutuan
Senarai Bersama	Perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara sama
Peruntukan Tambahan bagi Sarawak dan Sabah	Kuasa tambahan bagi negeri Sarawak dan Sabah bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia
Kerajaan Tempatan	Kerajaan peringkat ketiga/ berkuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab kawasan tempatan atau daerah kecil
Pembangunan tanah	Kerjasama sosioekonomi pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan In-situ
Pembangunan wilayah	Kerjasama sosioekonomi kepada pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan
Pembangunan koridor wilayah	Perancangan strategik jangka panjang / tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat/wujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah
Pemuliharaan khazanah negara	Mengekalkan warisan biodiversity/mewujudkan kawasan perlindungan sepertitaman negara dan taman laut
Pengurusan Taman Negara	Pengurusan hidupan liar dan taman negara
Pengurusan Taman Laut	Memulihara khazanah laut
Perumahan rakyat	Memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri
Perumahan mampu milik	Menyediakan perumahan mampu milik/ PRIMA/Rumah Mesra Rakyat/ Rumah Selangorku
Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Bertanggungjawab dalam aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam

Kementerian Pertahanan (KEMENTAH)	Menjaga pertahanan negara
Rajang Area Security Command (RASCOM)	Ancaman komunis di bahagian ketiga Sarawak
Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)	Pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di kampung Tanduo/Lahad Datu Sabah
Eastern Sabah SecurityZone (ESSZONE)	Mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah
Keluhuran perlembagaan	Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi
Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri	Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan
Majlis Kewangan Negara	Mentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan
Majlis Tanah Negara	Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah
Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	Perundingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kerajaan Tempatan
Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah	Untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

## BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Idea gagasan Malaysia	Konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British Dicadangkan oleh oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj Penggabungan PTM, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.
Idea pegawai British	1887 -Lord Brassey (Penggabungan NNm, NNS, Sarawak, Sabah) - Ekonomi 1951 - Sir Malcolm MacDonald (gabung TM, Singapura, Wil Borneo) -Rancangan dekolonisasi 1952 - Sir Gerald Templer - Keselamatan dan Pertahanan 1960 - Sir Geofroy Tory (gabung PTM dan Singapura) – Ekonomi
Idea penduduk tempatan	1960- Majalah al-Imam menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi 1938 – Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Hj,Muhammad, Dr. Burhanuddin menyatukan TM dengan Indonesia dengan Konsep Melayu Raya – gagal 1955-TAR cadang gabungan Singapura, Sarawak, Sabah, Brunei,PTM

	1958 – Datu Mustapha Datu Harun minat gabung Sabah dgn PTM
Keselamatan	Ancaman Komunis ( Sarawak dan Singapura)
Keseimbangan komposisi kaum	Gabungan PTM, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei
Mempercepatkan kemerdekaan	Realisasikan rancangan dekolonisasi British Cepatkan kemerdekaan wilayah Borneo iaitu Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura
Pembangunan wilayah	Meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang.
Reaksi PTM	Bersetuju walaupun mempunyai perbezaan pendapat mengenainya
Reaksi Sarawak	Menyokong (BERJASA, PANAS, PESAKA, SCA, SNAP) Parti Perikatan Menentang (SUPP)
Reaksi Sabah	Peringkat awal – berasa curiga dan bimbang – tiada keperluan untuk bergabung Bersetuju/ Menyokong (UNKO, USNO, Rasok Momogun, SCA) Sabah Alliance (UNKO, USNO, UPKO, Democratic Party dan Sabah Indian Congress)
Reaksi Singapura	Menyokong (PAP pimpinan Lee Kuan Yew) – buka peluang pasaran yang lebih besar untuk industri Menentang (Parti Rakyat Sarawak dan Barisan Sosialis) / Penjajahan baharu / cadangan pandangan rakyat diperoleh sebelum Singapura menyertai Malaysia.
Reaksi Indonesia	Peringkat awal tidak menentang –Dr. Subadrio dan Dr. Mohammad Hatta mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia
Reaksi Filipina	Menentang kerana mendakwa sebahagian wilayah Sabah milik Kesultanan Sulu / 1946, SBUB serahkan Sabah kepada British / Jan 1966, Filipina mengiktiraf pnubahan Malaysia
Reaksi Thailand	Menerima idea pembentukan Malaysia demi keamanan serantau AT
Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)	Ditubuh ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pd 23 Julai 1961 / 4 kali mesyuarat (Jeselton, KL, Kuching, Singapura) / Yakinkan penduduk tentang penubuhan Malaysia / Ruang perbincangan / Mengumpul pandangan tentang penubuhan Malaysia / Menyebarkan maklumat / Memupuk aktiviti pnghebahan Pengerusi : Donald Stephens
Referendum Singapura (Sept 1962)	Rundingan kerajaan PTM dengan Singapura / Rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung

Rundingan London (Nov 1961)	Diadakan di London antara kerajaan PTM dengan kerajaan British Menubuhkan suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah
Suruhanjaya Cobbold ( Jan 1962)	Lord Cobbold sebagai Pengerusi Ahli : Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee. 1/3 menyokong pembentukan Malaysia / Perlembagaan PTM 1957 menjadi asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu / Kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau tidak boleh dibatalkan oleh kerajaan PTM
Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)	Menyedia rangka Perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah / Ogos 1962
Perjanjian Julai 1963	Perjanjian Malaysia / Dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura / 9 Julai 1963-London
Inti Pati Perjanjian Malaysia	Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963 Sarawak, Sabah, Singapura menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah, Singapura Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri Kerusi Parlimen Singapura (15), Sarawak (24), Sabah (16) Penduduk bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan.
Pengisytiharan Malaysia	16 September 1963 / Diadakan serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.
Konfrontasi	Kerajaan Indonesia terhadap Malaysia dengan konsep "Ganyang Malaysia" / Disember 1962 Cara penentangan : Menyerang kapal nelayan/ Ceroboh ruang udara TM, Serangan melalui Johor, Sarawak dan Sabah, burukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia Tindakan : Awal tiada tindakan diambil / Minta bantuan negara Komanwel / Lawatan kenegara Afro-Asia/ Hubungan pulih melalui MAPHILINDO
Neokolonialisme	Perluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar terhadap negara lain

## **BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi / Memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan / Memajukan sistem pendidikan
Cabaran politik di Sarawak	Krisis Perlembagaan pd Jun 1966. 21 org ahli Council Negri Yg tidak puas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak.
Cabaran perpaduan kaum	Kerana penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya serta jarak yg jauh antara semenanjung dengan Sabah dan Sarawak jadi cabaran kepada integrasi nasional.
Pemisahan Singapura	Politik – Lee Kuan Yew dan PAP / Kempen Malaysian Malaysia Ekonomi – dikenakan cukai tambahan / Mahu kenakan faedah terhadap pinjaman kpd kerajaan Persekutuan Masalah perkauman – rusuhan kaum / menuntut persamaan hak
Ancaman keselamatan di Sarawak	Ancaman komunis : Gerakan politik Serangan bersenjata komunis terhadap orang awam
Perang saraf	Perhimpunan awam untuk beri kesedaran / Sebar risalah / Kawasan putih / Program pengampunan / Pembanguna infrastruktur
Operasi Hammer Sarawak	Kaedah yg sama seperti Rancangan Briggs untuk memenangi hati rakyat – penempatan semula di kawasan baru
Operasi Letter Box	Dilancarkan pada 22 Julai 1965 untuk dapatkan maklumat tentang pergerakan komunis.
Operasi Jala Raja	Di buat di Nonok (Asajaya), Bahagian Pertama
Operasi Ngayau	Dilancarkan di Bahagian Ketiga
Operasi Sri Aman	Dibuat pada Oktober 1973 untuk banteras ancaman komunis di Sri Aman , Sarawak / Melibatkan pasukan keselamatan termasuk polis dan tentera / Pergerakan komunis disekat menyebabkan mereka sukar bergerak.
Ancaman keselamatan di Semenanjung Malaysia	Pembunuhan anggota keselamatan dan orang awam Pengeboman tugu negara
Strategi Counterinsurgency (COIN)	Usaha keselamatan dan pembangunan untuk menangi hati dan fikiran rakyat bagi sokong agenda dan dasar kerajaan untuk perang komunis.
Perjanjian Kerjasama Sempadan	Mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dan Thailand melalui Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand / Bina pagar sempadan dan operasi

	bersama.
Rancangan Malaysia Pertama	Isu pembangunan ekonomi -terdapat pelbagai isu yg harus ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk.
Rusuhan kaum	Peristiwa 13 Mei 1969 – <b>faktor yg menyebabkannya:</b> Ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial Kempen dan keputusan Pilihan raya Umum ke3 1969 PKM ambil kesempatan pengaruhi penduduk Kempen pilihan raya guna sentimen perkauman dan keagamaan Kekacauan dan perbuatan provokatif
Darurat	Diisytihar oleh Yang Dipertuan Agong pada 16 Mei 1969 Perlembagaan digantung, Parlimen ditangguh Penguatkuasaan perintah berkurung Semua berita drpd pihak media ditapis Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan
Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	Pengerusi – Tun Abdul Razak Hussein Diberi kuasa memerintah semasa darurat Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara Fokus utama – masalah perpaduan dan ketidakseimbangan ekonomi
Tanggung jawab MAGERAN	Mengembalikan keamanan dan undang2 Menentukan pentadbiran yg licin dalam negara Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948 Menggantung sementara penerbitan semua akhbar
Peranan Raja	Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II – menasihati rakyat agar jaga keamanan Jawatankuasa Muhibah – menulis surat merayu penduduk agar bertenang dan membantu negara mengekalkan keamanan.

## BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

ISTILAH	PERNYATAAN/ PENERANGAN
Perpaduan kaum	Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu-padu.
Integrasi nasional	Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.
Jabatan Perpaduan Negara	Jabatan ini berperanan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara.

Majlis Muhibah Negara	Bertujuan menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
Dasar Pendidikan Kebangsaan	Dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Matlamatnya bertujuan menyatupadukan rakyat dan menyediakan tenaga kerja mahir yang terdiri daripada pelbagai kaum.
Penyata Razak 1956	Laporan oleh satu jawatankuasa bagi mengkaji semula sistem pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu.
Ordinan Pelajaran 1957	Ia menyatakan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah 1959) dan hendaklah digunapakai bagi semua sekolah. Peraturan ini disimpan di bawah Seksyen 59 Ordinan. Guru Besar sesebuah sekolah hendaklah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas guru-guru dan murid-murid sekolah itu.
Laporan Rahman Talib	Selepas pilihan raya 1959, sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Abdul Rahman Talib telah ditubuhkan untuk menyemak semula dan mengukuhkan syor-syor dalam Penyata Razak.
Kajian Aminuddin Baki	Kajian Aminuddin Baki membuat penambahbaikan dan melaksanakan sepenuhnya Laporan Rahman Talib.
Laporan Jawatankuasa Kabinet	Ditubuhkan pada bulan September 1974. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.
Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)	Matlamat utama pembentukan KBSR yang perlu dicapai ialah menguasai bahasa Melayu dan menguasai tiga bidang sains.
Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)	KBSM digubal berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan generasi yang berilmu, generasi yang berkemahiran dan generasi yang bersatu padu.
Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	KSSR dilaksanakan sepenuhnya kepada murid Tahun 1 di semua sekolah bermula pada tahun 2011 bagi menggantikan KBSR.
Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	KBSM digantikan dengan KSSM bermula dengan murid Tingkatan 1 mulai tahun 2017. Pembaharuan kurikulum ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN)	FPN digubal pada tahun 1988 untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan.
Akta Pendidikan 1996	Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan memperuntukannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.

Akta Bahasa Kebangsaan	Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan.
Bahasa rasmi	Merujuk bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi iaitu dalam urusan pentadbiran, sistem pendidikan, urusan perdagangan dan kehakiman.
Bahasa ilmu	Merujuk bahasa yang mampu menjadi perantaraan bagi penyampaian ilmu pengetahuan sehingga peringkat tinggi.
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Sebuah universiti yang ditubuhkan pada 18 Mei 1970 untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. UKM menjadi pusat pengajian tinggi awam pertama yang memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	Penubuhannya bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. DBP memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui pelbagai usaha.
Dasar Kebudayaan Kebangsaan	Dasar ini dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan. Dasar ini menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia.
Citrawarna Malaysia	Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program seperti Citrawarna Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum dan budaya. Antara program yang dijalankan termasuklah memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia.
Sukan alat perpaduan	Sukan merupakan satu medium untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia. Sukan dapat mengeratkan hubungan muhibah dan menerapkan rasa saling hormat dalam kalangan peserta. Selain itu, sukan mampu mewujudkan masyarakat yang sanggup memberikan sumbangan demi kesejahteraan social dan kecemerlangan sukan negara.
Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)	MASUM ditubuhkan pada tahun 1974 bertujuan mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional.
Sukan Malaysia (SUKMA)	SUKMA diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri.
Malaysia Boleh	Satu slogan yang menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya ketika menyokong pasukan Malaysia yang bertanding dalam kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa. Slogan ini asalnya untuk kempen Malaysia menjadi

	<p>tuan rumah kejohanan Piala Thomas dan Uber pada tahun 1992 dan penyertaan Malaysia di kejohanan Olimpik yang diadakan di Sepanyol serta kejohanan Sukan SEA di Singapura 1993.</p>
Rukun Negara	<p>Suatu ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.</p>
Majlis Perundingan Negara (MAPEN)	<p>MAPEN dibentuk pada 29 Januari 1970 bertujuan membentuk perpaduan antara kaum di Malaysia. Fungsi utamanya ialah untuk meneliti isu-isu perpaduan negara dan menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan pelbagai kaum.</p>
Negara bersatu	<p>Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu-padu. Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan atau kepercayaan. Mereka juga mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara.</p>
Masyarakat adil	<p>Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu masyarakat yang adil apabila semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.</p>
Masyarakat progresif	<p>Kita mendukung cita-cita hendak menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan.</p>
Masyarakat liberal	<p>Kita mendukung cita-cita hendak memelihara wujudnya satu masyarakat yang liberal. Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.</p>
Masyarakat demokratik	<p>Kita mendukung cita-cita hendak memelihara cara hidup demokratik apabila rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan.</p>
Kepercayaan kepada Tuhan	<p>Prinsip ini menunjukkan bahawa agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik dan landasan dalam membina keharmonian kaum.</p>
Kesetiaan kepada Raja dan Negara	<p>Prinsip ini menjelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Raja merupakan simbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum.</p>
Keluhuran Perlembagaan	<p>Prinsip ini membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang. Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara.</p>
Kedaulatan Undang-undang	<p>Prinsip ini menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang dan berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya.</p>

Kesopanan dan Kesusilaan	Prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia. Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara.
--------------------------	--

## BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Dasar Ekonomi Baru (DEB)	Dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun(1970-1990)/rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara
Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1)	Merangkumi 4 Rancangan Pembangunan Lima Tahun/ Rancangan Malaysia Kedua/ Rancangan Malaysia Ketiga/Rancangan Malaysia Keempat/ Rancangan Malaysia Kelima
Majlis Perundingan Negara (MAPEN)	Ditubuh untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama kaum dan integrasi nasional
Membasmi kemiskinan	Menambah pendapatan/memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat
Menyusun semula masyarakat	Mengurangkan/menghapuskan pengenalan kaum ikut fungsi ekonomi
Rancangan Buku Hijau	Tumpuan kepada pembangunan tanah/menambahkan pendapatan rakyat/pengeluaran bahan makanan cukup untuk keperluan negara
Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)	Mengawal selia sector padi dan beras/ stabilkan harga padi
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Membantu pekebun kecil, petani & peladang dalam kegiatan koperasi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Tingkatkan taraf hidup nelayan/memodenkan sektor industri perikanan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (RISDA)	Bantu dalam penyelidikan/penanaman semula getah
Yayasan Sabah	Menyediakan peluang pendidikan/pengagihan kekayaan ekonomi seimbang dalam kalangan rakyat sabah
Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA)	Terlibat dalam aktiviti perhutanan, perladangan, pertanian
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)/ Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)/ Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)/ Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	Program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah & kelapa sawit
Urban Development Authority (UDA)	Pembangunan industri dan pembangunan bandar baharu
Pemilikan Modal saham	Pemilikan saham syarikat perdagangan
Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	Industri pembuatan barangan menggunakan modal kecil/tenaga kerja tidak ramai

Dasar Pembangunan Nasional (DPN)	Dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad/kesinambungan DEB/menjadikan Malaysia negara maju berdasarkan Wawasan 2020
Penyusunan modal saham	Bahagian saham kaum bumiputera dipertingkatkan dalam sektor korporat/sekurang-kurangnya 30% dalam pemilikan ,penguasaan & pengurusan sector moden
Pembangunan wilayah DPN	Untuk meningkatkan integrasi ekonomi saling melengkapi antara negeri/memperbaiki ketidakseimbangan pembanguna wilayah/memudahkan pencapaian kesamarataanpendapatan antara kaum
Golongan pertengahan	Masyarakat baharu yang terdiri daripada golongan professional/pemodal/teknikal/pentadbiran dan pengurusan
Perindustrian berteknologi tinggi	Penggunaan jentera moden/kemahiran tinggi/modal besar
Estet Perindustrian	Bandar terancang /mengandungi kawasan perumahan/pusat perniagaan & perindustrian/pusat rekreasi
Taman Teknologi Perindustrian	Pusat penyelidikan & pembangunan indutri/menjalankan penyelidikan dan inovasi/membangunkan teknologi perindustrian
Zon Perindustrian Bebas	Kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai/tariff sebagai insentif
Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA)	Industri kereta tempatan
Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS)	Syarikat pengeluar motosikal nasional

## BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Hubungan luar sebelum Melaka	Kerajaan P'an-p'an, Langkasuka, Chih-t'u mengadakan hubungan dengan China
Hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka	Hubungan diplomatik (penghantaran utusan) –China, Ryukyu, Siam, Makasar, Pasai, Turki Hubungan perdagangan (keuntungan kepada Melaka) – China, Yaman, Pegu, Gujerat, Mesir,Turki, Parsi
Ikatan sejarah	Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Indonesia, China, Burma Arab Saudi, Mesir, Yaman-ikatan keagamaan
Keperluan nasional	Keutamaan kepentingan negara / Kedudukan strategik / Kepentingan ekonomi dan keamanan
Kepimpinan	Kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin / Peka dengan perkembangan semasa
Persekitaran Luar	Melihat perkembangan pilitik, ekonomi dan sosial antarabangsa

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia Dr. Ismail Abdul Rahman menjadi wakil tetap Malaysia ke PBB
Piagam PBB	Menegakkan hak asasi manusia dan menggariskan prinsip berkaitan taraf hidup dengan pencapaian taraf hidup manusia tanpa membezakan jantina, kaum, bahasa atau agama. Tidak campur tangan dalam urusan negara lain / konsep hormat-menghormat kedaulatan negara lain.
United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)	Gunung Mulu, Taman Negara Kinabalu (2000) / Bandar Melaka (2008) / Lembah Lenggong (2012) sebagai Tapak Warisan Dunia
Food and Agriculture Organization (FAO)	Pengeluar makanan
United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)	Menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara
Majlis Keselamatan PBB	Mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa
Misi Pengaman	Bosnia dan Herzegovina (UNPROFOR) / Lubnan (UNIFIL) / Ethiopia (UNMEE) / Congo (UNOC) / Namibia (UNTAG) / Somalia (UNOSOM) / Kemboja (UNTAC) / Timor Leste (INTERFET)
Pasukan Pengaman	Memastikan keselamatan penduduk / megawasi gencatan senjata dalam perang saudara / Mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat.
Perang Saudara	Perang antara dua kumpulan dalam sesebuah negara / Disebabkan oleh pergolakan politik / mengambil alih kuasa negara @ wilayah bagi mencapai matlamat tertentu.
Misi pegawai pemerhati	Membantu pentadbiran dan pengurusan, memberikan latihan teknikal dan menjadi jurubahasa
Pegawai Pemerhati	Sahara Barat (MINURSO) / Sierra Leone (UNAMSIL) / Liberia (UNOMIL) / Congo (MONUSCO) / Angola (UNAVEM II) / Namibia (UNTAG) / Bosnia dan Herzegovina (UNMIBH) / Iraq (UNIKOM), Kemboja (UNAMIC) / Timur Leste (UNTAET) / Ethiopia (UNMEE)
Tokoh Malaysia dalam PBB	Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood / Datuk Maimunah Mohd Sharif / Tan Sri Ghazali Ismail / Dr. Jomo Kwame Sundaram / Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar
Komanwel	Dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka / membina semangat setia kawan dalam pelbagai bidang

Rancangan Colombo	Rancangan pembangunan ekonomi dan sosial sejak 1951 Menangani kemiskinan / khidmat nasihat berkaitan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan/ Program latihan untuk kakitangan awam / Memberi bantuan dalam pelbagai bidang
Dasar Aparteid	Menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.
Sukan Komanwel	Kedua terbesar selepas sukan Olimpik / Setiap 4 tahun sekali / Mengeratkan hubungan antara negara anggota
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)	1961 - Gabungan tiga negara (Malaysia, Filipina dan Thailand)
MAPHILINDO	1963 – menyelesaikan isu pembentukan Malaysia- Gagal
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)	8 Ogos 1967 – Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Indonesia diikuti Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja, dan Vietnam / rakan dagang yang terpenting bagi Malaysian Pemotongan cukai keatas produk keluaran negara ASEAN
Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)	1971 di KL – Menjalinkan hubungan dengan China
Projek Industri ASEAN (AIP)	Pengeluaran baja Urea di Indonesia (1984) Malaysia (1986) / Baja Fosfat dan kuprum (Filipina) / Serbuk soda (Thailand)
Southeast Asian Ministers of Education Organization(SEAMEO)	Bidang pendidikan, pertukaran pelajar, dan penubuhan pusat serantau pendidikan / RECSAM di Pulau Pinang
Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)	Deklarasi Kuala Lumpur - Isu Palestin dan serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, Isu Aparteid
Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)	Dianggotai oleh 57 buah negara / 5 Sept 1969 / Ekoran serangan ganas Zionis terhadap Masjid al-Aqsa / memperjuangkan kepentingan umat Islam / Tunku Abdul Rahman dilantik sbg Setiausaha Agung pertama / Penubuhan UIAM / Menangani isu Iran-Iraq, Palestin, dan Afghanistan

## BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA DIPERSADA DUNIA

ISTILAH	PERNYATAAN/PENERANGAN
Isu global kontemporari	Isu ekonomi, soial dan politik / Disuarakan dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa

	Penyalahgunaan dadah/ pertindihan sempadan/kempen antiminyak sawit/ pemerdagangan orang dan penyakit berjangkit.
International Drug Enforcement Conference (IDEC)	Ditubuh tahun 1983 oleh AS Memerangi penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa
International Police Organization (INTERPOL)	Memerangi dadah dan bekerjasama dengan negara lain menggubal strategi menanganinya.
Pertindihan sempadan	Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dan Singapura (Hak Singapura-2008) Pulau Sipadan dan Ligitan melibatkan Malaysia dan Indonesia (Hak Malaysia-2002)
Kepulauan Spratly	Melibatkan China, Vietnam, Brunei, dan Filipina ? Terletak ditengah-tengah rantau Asia Tenggara / Sangat penting dari sudut geostrategik dan perdagangan / Mambangkitkan isu ini dalam foruk ASEAN-China 1995.
Kempen antiminyak sawit	Dilancarkan oleh negara maju pengeluar minyak kacang soya iaitu ASA dan NGO Pencinta Alam di Eropah / Melibatkan Malaysia dan Indonesia sabagai pengeluar utama
American Soybean Association (ASA)	Pengeluar minyak kacang soya
Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)	Ditubuhkan untuk menangani isu kempen antiminyak sawit Menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan dan pelaksanaan amalan baik
Malaysian Sustainable Palm Oil (MPSO)	Skim Pensijilan
Good Agriculture Practices (GAP)	Amalan Pertanian Baik
Pemerdagangan orang	Jenayah terancang/ tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan/ dan warna kulit/ Ancaman terhadap hak asasi manusia dan keselamatan negara/ Lokasi yang strategik/ perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia
Council For Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants (MAPO)	Memberi bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang/ Rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan. Pndakwaan dan perlindungan
Penyakit berjangkit - Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)	AIDS- Gaya hidup tidak siaht dan penyalahguna dadah/ 1986 dikesan di Malaysia / Covid 19 / 2 dos divaksin dicucuk
ASEAN Free Trade Area (AFTA)	Memudahkan dan meningkatkan perdagangan sesama negara anggota ASEAN / Mengurangkan tarif dan cukai barangan

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)	Forum antarabangsa yang disertai negara maju dan negara membangun / bincang sikap negara maju mengenai cukai dan tarif
Pembangunan Ekonomi Segi Tiga	Pembangunan wilayah baharu yang anggota dimajukan bersama-sama negara ASEAN / bertujuan mendapatkan keuntungan bersama / Malaysia-Indonesia-Thailand / Singapura-Johor-Riau / Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina
Kemelesetan ekonomi	Kejatuhan harga ringgit disebabkan oleh spekulasi mata wang Pelabur asing menarik diri dari melabur di Malaysia / Menambat kadar tukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1 / Berjaya
Spekulasi mata wang	Seseorang membeli mata wang asing dengan niat untuk menjual semula pada masa hadapan dengan harga yang lebih tinggi.
Menambat kadar mata wang	Menetapkan satu kadar mata wang pada jumlah tertentu dan diperniagakan dengan kadar tertentu.
Sukuk	Sijil Kewangan Islam
Isu Palestin	Disuarakan sejak zaman TUnku Abdul Rahman Putra al-Haj / Menjadi asas memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan.
Aman Palestin	Ditubuh pada 2006 / Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin
Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)	Gabungan beberapa buah NGO / Menjalankan kerja sukarelawan di Palestin / Hari Solidariti Rakyat Palestin
Cinta Gaza Malaysia (CGM)	Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman sejak 2013 / Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas / Melancarkan Projek Ramadhan 2020 dengan tema “ Ramadhan Bulan Berkongsi Kebahagiaan” / bantuan perubatan, kebajikan belia, infrastruktur, pendidikan, pengajian al-Quran, seni dan budaya.
Muslim Care Malaysia	2006 /aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk Palestin
Isu Syria	2011/ masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan/ sedia menerima 3000 orang pelarian dldm tempoh 3 tahun secara sukarela.
Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)	Gabungan 6 NGO / lancar kempen i4Syria / bantuan pendidikan, kesihatan, kebajikan pelarian Syria di Malaysia
Cinta Syria Malaysia (CSM)	2014/ bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia / Menubuhkan “SEKOLAH KITA”

	iaitu program pendidikan percuma untuk anak-anak pelarian Syria.
Global Peace Mission (GPM)	2001/ Memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria seperti makanan, ubatan dan peralatan.
Tsunami Aceh dan Sri Lanka	2004- kehilangan segalanya dalam sekelip mata / Malaysia hantar bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian.
Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)	1999- Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood / Memberi bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh / Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka/ bina sekolah dan jambatan.
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	1971 –Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih 120 orang anak yatim mangsa tsunami di banda Aceh.
Yayasan Restu	1998 – Memberi bantuan pendidikan percuma kepada warga Aceh / membina rumah anak yatim Babun Najah di Ulee Kareung, Aceh.
Kelestarian Global	Usaha mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar bagi membolehkannya diwarisi oleh generasi akan datang.
Deklarasi Langkawi	Diadakan Oktober 1989 sempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel / Usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia.
Sidang Kemuncak Bumi	Dianjurkan oleh PBB/ Bincang isu berkaitan dengan alam sekitar / Disertai oleh Malaysia untuk mengatasi masalah kebuluran, kemiskinan dan kerosakan ekosistem.
Gas rumah hijau	Peningkatan kadar gas karbon dioksida di atmosfera yang memanaskan bumi./ Pemanasan ini disebabkan aktiviti manusia seperti penggunaan penyaman udara dan baja kimia.
Antartika Warisan Sejagat	Malaysia mencadangkan agar PBB mentadbir Antartika agar segala hasil yang terdapat dibenua tersebut dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara./ Membentuk pasukan penyelidik ke benua Antartika.
Komuniti ASEAN	Ditubuhkan pada 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur swaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke -27.
Keselamatan makanan	Setiap orang pada setiap masa mempunyai akses kepada sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan makanan mereka. / Isunya ialah kenaikan harga barangan yang keterlaluan, bekalan barangan yang terhad kerana masalah pengeluaran, bencana alam, dan pencemaran makanan.

Isu jerebu	Fenomena pencemaran udara yang menjejaskan penglihatan dan kesihatan / Pembakaran hutan yang tidak terkawal.
Zon Bebas Nuklear	Tidak membenarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal asing yang membawa senjata nuklear.

-SELAMAT MAJU JAYA -